

28/06/2002

Kejutan keempat gear meja Joran

MINGGU kejutan. Itu yang Wak dapat simpulkan apabila bercerita pasal kisah minggu lalu.

Pertamanya, Korea Selatan mara ke separuh akhir mengalahkan Sepanyol dalam Piala Dunia, manakala Senegal pula yang disebut-sebut mampu menjinakkan Turki, tumpas dengan jaringan emas.

Keduanya, pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahu meletak jawatan dalam Umno dan kerajaan. Pun begitu, keputusan itu ditarik balik sejam selepas itu.

Ketiga, kematian Presiden Pas, Datuk Fadzil Nor di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) yang menjalani pembedahan pintasan jantung seminggu sebelum itu.

Keempat, pengumuman Joran bahawa hanya 440 peserta saja dibenar beraksi dalam Kategori Laut GP Joran di Perak pada 6 dan 7 Julai ini.

Di kalangan empat kejutan yang Wak senaraikan di atas, tiga daripadanya memang cukup hebat diperkatakan iaitu Piala Dunia, pengunduran Dr Mahathir dan kematian Fadzil. Tapi di meja Joran, kejutan keempat adalah paling mendapat perhatian, khususnya daripada kaki pancing.

Sejak diumumkan, telefon di meja Joran tak henti berdering. Ada saja kaki pancing yang menghubungi Joran. Betul ke berita tu? Macam mana kalau daftar lewat? Kenapa sikit sangat? Tarikh tutup tu dipercepatkan atau tidak? Macam mana nak daftar di sana-sini? Kaunter dibuka atau tidak pada Sabtu dan Ahad? Dan macam-macam lagi pertanyaan yang Wak dan kawan-kawan di Unit Joran nak kena layan. Naik panas telinga kita orang dibuatnya.

Pasal 440 peserta tu memang betul. Kami kena kekal dengan jumlah itu. Bukannya penganjur (Berita Harian) tak mahu ambil peserta lebih tetapi masalah bekalan bot yang menjadi tembok pemisah kepada keputusan itu. Pada Wak, lagi ramai lagi bagus. Lagi meriah, lagi gah. Tapi kalau dah bot memang tidak banyak, kami terpaksa akur.

Maknanya, kalau kami dah akur tu, pemancing pun kena akur jugalah. Janganlah selepas ini, kalau dah terlewat mendaftar dan tempat dah penuh, nak salah-salahkan penganjur pula.

Mesej yang Wak nak sampaikan ialah jangan asyik nak bertanggungjawab mendaftar bagi menyertai pertandingan ini. Sehingga kolum ini ditulis, masih ada lagi kekosongan peserta, tapi tak ramai.

Jadi, janganlah tunggu sampai saat akhir nak buat pendaftaran. Kalau rasa nak masuk bertanding, daftarlah segera. Tak perlu ditunggu kawan-kawan lain yang belum pasti nak masuk bertanding sama nanti akhirnya kita sendiri yang terlepas peluang.

Cerita seperti ini memang sentiasa ada di setiap pusingan GP Joran, tapi rasanya bagi pusingan kali ini, penganjur terpaksa akur dengan keputusan yang sudah dibuat. Maknanya, kalau dah diberitahu hanya 440 peserta, maka jumlah itulah yang penganjur terima. Tak mungkin lebih sebab penganjur sendiri yang akan panas punggung jika jumlah peserta terlebih daripada yang sepatutnya.

Jadi Wak nasihatkan kepada kaki pancing, khususnya yang dah ada mata Grand Slam dan yang ambil bahagian dalam Pra-GP Joran dulu supaya cepat-cepat sahkan penyertaan. Jangan tunggu sampai hari terakhir sebab Wak tak berani jamin masih ada kekosongan pada hari itu!

(END)